

Newspaper	Berita Harian
Date	19/4/2013

BH 19 APRIL 2013 © JUMAAT

Sedia 19 aku janji tambahan

» *Manifesto BN Pulau Pinang beri manfaat kepada segenap lapisan penduduk*

Oleh Faridzwan Abdul Ghafar
faridzwan@mediaprima.com.my

Georgetown

Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang menggariskan 19 aku janji tambahan dalam manifesto Pilihan Raya Umum sebagai komitmen untuk merampas kembali negeri ini daripada pakatan pembangkang.

Bertemakan 'Pulau Pinang Yang Unggul', aku janji itu bakal mentransformasi negeri ini menerusi penjana lebih banyak peluang pekerjaan, mengukuhkan daya saing negeri serta menjadikan Pulau Pinang satu bandar raya bertaraf dunia yang sesuai didiami.

Aku janji itu akan memberi manfaat kepada semua genap lapisan penduduk Pulau Pinang termasuk kanak-kanak dan warga tua, daripada penaja hingga kepada pemilik syarikat, penghuni rumah

“Kini tiba masanya untuk Pulau Pinang melangkah ke hadapan dan BN akan mentransformasikan Pulau Pinang daripada hab pembuatan kepada hab pelancongan dan perkhidmatan bertaraf dunia”

Manifesto BN Pulau Pinang



Chang Yeow melancarkan Manifesto BN Pulau Pinang sambil diperhatikan calon Parlimen dan DUN Pulau Pinang PRU-13 di Dewan Tabung Haji Bayan Lepas, semalam.

[FOTO DANIAL SAAD/BH]

pangsa, penduduk luar bandar serta bandar, pelancong dan pelabur asing.

“Kini tiba masanya untuk Pulau Pinang melangkah ke hadapan dan BN akan mentransformasikan Pulau Pinang daripada hab pembuatan kepada hab pelancongan dan perkhidmatan bertaraf dunia yang stabil, tenteram, berhospitaliti dan aktiviti ekonomi yang rancak,” kata manifesto itu.

Manifesto berkenaan dilancarkan Pengerusi BN Pulau Pinang, Teng Chang Yeow, dengan dihadiri calon BN serta kepimpinan parti peringkat negeri, bahagian

dan cawangan.

Empat perkara

Bagi memastikan usaha mentransformasi dapat dilaksanakan, BN Pulau Pinang bertekad melakukan empat perkara berikut:

- Memulihkan semula status pelabuhan bebas Pulau Pinang dan mentransformasikan negeri ini sebagai destinasi pelancongan, pelaburan dan kebudayaan bertaraf dunia;
- Memberikan kemudahan kewangan dan modal kerja kepada perusahaan kecil dan sederhana bagi menjana pekerjaan serta mewujudkan peluang perniagaan baru;
- Menerima sokongan kuat daripada Kerajaan Pusat dalam semua dasar dan pembangunan di Pulau Pinang;
- Menggalakkan penyertaan orang awam dalam dasar,

pembangunan dan program transformasi.

Manifesto itu turut menyenaraikan pelan tindakan untuk melaksanakan transformasi negeri menerusi lima Bidang Ekonomi Utama Negeri (SKEA) dan lima Bidang Keberhasilan Utama Negeri (SKRA) bertujuan merancang ekonomi negeri.

Ia juga memberi tumpuan kepada agenda pembangunan penduduk di Seberang Prai dengan matlamat merapatkan jurang dengan penduduk bahagian pulau.

“Setiap ahli daripada parti mengambil tahu masalah dihadapi kaum lain dan BN Pulau Pinang berusaha untuk menonjolkan kemampuan dan kebolehan BN sebagai satu pasukan menguruskan masalah masyarakat majmuk di negeri ini,” kata manifesto itu.

